

Sistem K-Kedatangan di Kampus Teragih

KAMARUDIN HUSSIN, NASRUDIN ABD. SHUKOR, NOR SHUBAILY KHAMIS
DAN MOHD NOORULFAKHRI YAACOB

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia

ABSTRAK

K-Kedatangan merupakan sistem yang digunakan untuk merekod kehadiran kakitangan di kampus KUKUM. Sistem ini menggunakan teknologi kad pintar yang menggabungkan dua sistem utama iaitu IUS-Staf dan NPower. Sistem K-Kedatangan ini mempunyai dua sub sistem lait u sistem enjin K-Kedatangan dan sistem paparan web K-Kedatangan yang berfungsi serentak supaya dapat beroperasi dengan lancar. Enjin K-Kedatangan berfungsi sebagai sistem yang mengemaskini data yang diperlukan daripada rutin mengimbas kad pintar oleh pengguna. Paparan web K-Kedatangan berfungsi untuk membolehkan setiap kakitangan menyemak status kehadiran melalui portal KUKUM.

ABSTRACT

K-Kedatangan (K-Attendance) is a system used in KUKUM to record staffs' attendances around the campus. It used smart card technology that merged two systems, the IUS-Staf and NPower System. It has two subsystems, the K-Kedatangan's engine and web display system that work together to make sure it run smoothly. The engine functioned as a system that updated the needed data from smart card scanning routine by users. The web displays the 'in-out' record and let the users to check their attendances status through the portal.

PENGENALAN

Teknologi kad pintar telah dipraktikkan di Malaysia bagi menggantikan kad pengenalan diri yang sedia ada. Penggunaan kad pintar di Malaysia telah diaplikasikan ke atas pengenalan diri, lesen memandu, kad rawatan, kad kredit, e-tunai dan sebagainya. Malaysia merupakan negara pertama dunia yang menggunakan teknologi kad pintar untuk tujuan tersebut.

KUKUM juga tidak ketinggalan dalam penggunaan aplikasi kad pintar. Salah satu aplikasi yang digunakan dalam kad pintar ini ialah bagi merekod kehadiran kakitangan ke pejabat. KUKUM telah membangunkan sistem K-Kedatangan dengan menggunakan teknologi kad pintar bagi merekodkan kehadiran kakitangan ke pejabat. Kakitangan KUKUM dapat mengimbas masuk dan keluar pejabat di mana-

mana pengimbas kad yang terdapat di sekitar kampus teragih KUKUM. Ini memberi kelonggaran kepada kakitangan supaya dapat mengikut masa pejabat yang optimum. K-Kedatangan juga mempertimbangkan kedatangan bagi pekerja yang bekerja mengikut syif dalaman KUKUM. KUKUM mempunyai 10 jenis syif waktu bekerja, syif ini hanya melibatkan Jabatan Keselamatan dan Perpustakaan. Rekod kehadiran kakitangan yang telah diproses akan dipaparkan secara atas talian.

TUJUAN K-KEDATANGAN

K-Kedatangan dibangunkan bagi menggantikan sistem kedatangan jenis lama iaitu sistem yang menggunakan kad perakam waktu. K-Kedatangan membolehkan pengguna mengimbas kedatangan di mana-mana lokasi pengimbas yang ada. K-Kedatangan juga membolehkan para pegawai atasan dapat melihat kedatangan dan pergerakan kakitangan bawahan mereka dengan cepat, pantas, dan jitu. Setiap data yang diimbas akan diproses dalam masa kurang dari lima minit. Laporan kedatangan ini dipaparkan secara atas talian.

OBJEKTIF

Membangunkan satu sistem kehadiran yang boleh merakamkan kehadiran dan pergerakan kakitangan KUKUM mengikut panduan serta keperluan yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan pihak pengurusan KUKUM secara atas talian.

METODOLOGI PEMBANGUNAN

K-Kedatangan dibangunkan sepenuhnya oleh Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi KUKUM. K-Kedatangan adalah salah satu modul di dalam Sistem Maklumat Universiti – Kakitangan (IUS-Staf).

K-Kedatangan dibangunkan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri melalui Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2004, Surat Pekeliling Am Bil. 11 Tahun 1981 (Tambahan) Penggunaan Sistem Perakam Waktu Elektronik Di Agensi-Agenzi Kerajaan. Pekeliling ini antara lain menetapkan bahawa sesuatu perakam waktu elektronik haruslah:

- i. Merakamkan pergerakan keluar masuk kakitangan dari pejabat.
- ii. Mengenalpasti waktu terawal dan terakhir yang telah direkodkan.
- iii. Menjana laporan berdasarkan harian, mingguan dan bulanan secara atas talian dan juga bercetak.
- iv. Menjana laporan kakitangan yang tidak hadir.
- v. Kakitangan boleh memasukkan alasan mengapa waktu kedatangan tidak dipatuhi.

Selain daripada panduan oleh MAMPU ini, K-Kedatangan juga dibangunkan mengikut keperluan dalaman KUKUM. Keperluan dalaman KUKUM memberi waktu bekerja yang fleksibel kepada kakitangan akademik namun kakitangan akademik perlu mengikut jumlah waktu bekerja yang telah ditetapkan. K-Kedatangan juga mampu memenuhi ciri-ciri kedatangan bagi kakitangan yang bekerja dalam syif tertentu. Jabatan Perpustakaan dan Keselamatan merupakan jabatan yang bekerja mengikut syif yang telah ditetapkan.

K-Kedatangan menggunakan teknologi kad pintar sebagai teknologi teras kerana kad pintar adalah medium yang mewakili identiti setiap kakitangan. Oleh itu, kad pintar KUKUM yang juga merupakan kad ID setiap warga KUKUM digunakan untuk mengenalpasti setiap pergerakan keluar masuk warga KUKUM. Kad pintar yang digunakan adalah jenis *contactless*.

Laporan K-Kedatangan dibangunkan secara atas talian. Ini akan membolehkan laporan kehadiran kakitangan KUKUM dilihat menggunakan internet. K-Kedatangan dimasukkan ke dalam portal KUKUM untuk membolehkan setiap kakitangan KUKUM melihat kehadiran masing-masing. K-Kedatangan membolehkan setiap kakitangan berinteraksi dengan ketua mereka dan sebaliknya untuk memberi komen tentang kehadiran masing-masing.

HASIL PEMBANGUNAN

Ciri-Ciri Umum K-Kedatangan

a. Pergerakan Keluar Masuk Pejabat

K-Kedatangan mampu merekod dan mengeluarkan laporan bagi pergerakan keluar dan masuk seseorang kakitangan di mana-mana jabatan di KUKUM. Rekod pergerakan ini dapat dijana dengan baik kerana hampir keseluruhan jabatan di KUKUM mempunyai alat pengimbas kad pintar di pintu utama jabatan. Ini membolehkan pihak pengurusan tertinggi dan pengurusan jabatan memantau pergerakan kakitangan bawah jagaan mereka. Rajah di bawah menunjukkan pergerakan yang boleh dipantau oleh pengurusan tertinggi dan pengurusan jabatan.

LAPORAN PERGERAKAN KAD PINTAR	
PENGARAH PUSATTEK (MARKILITMATAKOMMIL)	
TARIKH	
10/07/2005	
07:45:52	BILIK SERVER (ACS)
07:46:04	PEJABAT ICT (ACS)
09:18:27	BILIK SERVER (ACS)
10:55:10	BILIK SERVER (ACS)
12:28:23	BILIK SERVER (ACS)
15:09:00	LIBRARY T2 (TMS)
17:10:34	LIBRARY T2 (TMS)
17:11:55	MAIN DOOR T10 (ACS)
17:30:27	MAIN DOOR T10 (ACS)

Rajah 1: Laporan Pergerakan Individu.

b. Perekodan Waktu Masuk Dan Keluar Pejabat

K-Kedatangan akan mengambil kira waktu terawal (kad diimbas) sebagai masa masuk pejabat dan waktu terakhir (kad diimbas) sebagai masa keluar pejabat. Setiap kakitangan KUKUM perlulah mengimbas kad pintar mereka ketika datang ke pejabat. Pengurusan tertinggi dan pengurusan jabatan dapat melihat kehadiran kakitangan jabatan masing-masing. Laporan yang dikeluarkan ialah di dalam bentuk harian dan bulanan.

LAPORAN HARIAN									
TARİH	JABATAN	NAMA	WAKTU MASUK	PENGAWAL	WAKTU KELUAR	PENGAWAL	SATAU KELUAR		
20/10/2005	REKTOR - UTAMA & VICE CANSelor/PEMIMPIN REKTOR	KAMARUDIN BIN HUSSIN							
D1/0001									
D2/00152	RAZLI BIN AHMAD	PEGAWAI TADBIR	08:04:34 (19/10/2005)	POS PENGAWAL OF (TMS)	08:05:54 (19/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)	08:09:12 		
02/00164	NORSYAHIDA BTI HAMZAH	PEGAWAI TADBIR	07:53:27 (19/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)	07:54:21 (19/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)	08:00:00 		
02/00281	ZUBER BIN NAJI MOHAMAD	PENYELARAS RUMAH TETAMU	07:24:12 (19/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)	07:24:12 (19/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)	08:00:00 		
03/00008	HAFIZAH BT MD YUSOF	PEMBANTU TADBIR (KESERTAUUSAHAKAM)	08:07:51 (19/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)	08:07:51 (19/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)	08:00:00 		
03/00087	IRDAWATI BTI DARUS	PEMBANTU TADBIR (TERKEBARAN/ANFOPERAS)	08:17:46 (19/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)	08:18:46 (19/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)	08:00:00 		
02/00244	AHMAD FAHMI BIN MOHD FAIZU	PEMBANTU AM RENDAM	08:10:31 (19/10/2005)	MAIN DOOR T10 (ACS)	08:10:31 (19/10/2005)	MAIN DOOR T10 (ACS)	08:14:00 		
03/00261	NORSHAMILA BTI MOHAMAD	PEGAWAI KHIDMAT PELAJARAN	08:08:28 (19/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)	08:08:28 (19/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)	08:00:00 		
03/00282	SAZALI BIN OTHMAN	PEMANDU KENDERAN BERMOTOR	08:04:50 (19/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)	08:04:50 (19/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)	08:00:12 		
03/00268	RAMLI BIN HAGAN	PENGAWAL KESELAMATAN							

Rajah 2: Laporan Harian.

LAPORAN BULANAN									
TARİH	JABATAN	NAMA	WAKTU MASUK	PENGAWAL	WAKTU KELUAR	PENGAWAL	SATAU KELUAR		
Sab - 1/10/2005	REKTOR - UTAMA & VICE CANSelor/PEMIMPIN REKTOR	KAMARUDIN BIN HUSSIN							
Im - 3/10/2005	07:25:32 (02/10/2005)	TIMBALAN REKTOR (TMS)	14:34:24 (03/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)			07:50:52 		
Sel - 4/10/2005									
Rab - 5/10/2005	07:25:16 (05/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)	17:40:19 (05/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)			10:15:02 		
Kha - 6/10/2005	07:18:50 (06/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)	15:55:38 (06/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)			08:30:39 		
Jun - 7/10/2005	07:15:22 (07/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)	15:37:54 (07/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)			08:22:32 		
Jul - 8/10/2005	06:15:47 (08/10/2005)	TIMBALAN REKTOR (TMS) CANSelor/PEMIMPIN REKTOR	16:54:47 (08/10/2005)	MAIN DOOR T11 (TMS)					
Ang - 9/10/2005									
Im - 10/10/2005	15:49:55 (10/10/2005)	Reception - Anjung KUKUM	15:49:55 (10/10/2005)	Reception - Anjung KUKUM			00:00:00 		
Sel - 11/10/2005	13:41:47 (11/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)	17:40:24 (11/10/2005)	MAIN DOOR T11 (ACS)			03:59:34 		Touch in problem sistem down
Ang - 12/10/2005	07:15:24	MAIN DOOR T11	10:29:07	MAIN DOOR T11 (ACS)			00:19:49 		

Rajah 3: Laporan Bulanan.

c. Laporan Staf Lewat Dan Tidak Hadir Ke Pejabat

Laporan kedatangan adalah sesuatu yang penting bagi pengurusan tertinggi bagi memantau keseluruhan kakitangan di bawah jagaannya. K-Kedatangan mampu mengeluarkan laporan bagi kakitangan yang lewat dan tidak hadir ke pejabat. Rajah di bawah menunjukkan contoh laporan lewat tersebut.

LAPORAN KAKITANGAN LEWAT DAN TIDAK MEREKODKAN KEHADIRAN							
JABATAN : HAL EHWAL PELAJAR (PEJABAT TIMBULAH REKTOR HAL EHWAL PELAJAR)		MASUK		KELUAR		TOTAL	
STAF	KATEGORI	TARikh	KATEGORI	TARikh	KATEGORI	TARikh	
04 00402 AISAHAH BT MOHAMAD	PEMBANTU TADBIR (PERKHIDMATAN OPERAS)						
04 00402 SAYANG NURSHAHRIZLEEN BT RAMLAN	PENDOLONG PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN A	04-09-21	RELEMBUTU KOLEJ KEDIAMAN A/TX/B1	04-09-21	PEMBANTU PTX PENGURUSAN STAF	00.00.00	

Rajah 4: Laporan Kakitangan Lewat dan Tidak Hadir.

Ciri - Ciri Khusus Untuk KUKUM

a. Program Senamrobik Mingguan

K-Kedatangan juga berjaya mengeluarkan kedatangan untuk aktiviti-aktiviti rasmi KUKUM. Senamrobik merupakan aktiviti mingguan KUKUM yang perlu dihadiri oleh semua kakitangan KUKUM. Rajah berikut merupakan rajah bagi sistem ini yang berupaya merekod kehadiran kakitangan ke aktiviti senamrobik. Bagi aktiviti senamrobik hanya pengimbas kad pintar tertentu sahaja yang akan digunakan dalam tujuan untuk merekod kehadiran kakitangan ke senamrobik.

LAPORAN SENAMROBIK							
JABATAN : CANSelorRI (PEJABAT PRESIDEN)		MASUK		KELUAR		TOTAL	
STAF	KATEGORI	TARikh	KATEGORI	TARikh	KATEGORI	TARikh	
03 00201 HAMELI BIN HASAN	PERGAWAI KESELAMATAN	07-09-09	Hal Etwas Pelajar				
04 00001 KAMARUDIN BIN HUSSIN	REKTOR-UTAMA A/VUK	07-09-30	Hal Etwas Pelajar				
03 00201 NORSHAMILA BINTI MOHAMAD	PEMAMPU KENDRASAN PELAJARAN	07-09-22	Hal Etwas Pelajar				
04 00521 NOR SYAMIDA BT SAWALI	REMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)	07-09-19	Hal Etwas Pelajar				
04 00362 MAZURA BT ZAINO	PEMBANTU TADBIR (PERKHIDMATAN OPERAS)	07-07-30	Hal Etwas Pelajar				
02 00102 FAZLI BIN AHKAD	PEMAMPU TADBIR	07-07-30	Bilang Kad Volunter				
02 00101 NORSYAHLIA BINTI HANIFAH	PEMBANTU TADBIR						
02 00101 NORSYAHLIA BINTI HANIFAH	PEMBANTU TADBIR						
02 00291 ZUBER BIN HAJI MOHAMAD	PENYELARAS RUMAN TETAMU		Bengkel PTX				
03 00006 HAFIZAH BT MD YUSOF	PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)		Guti Tahanan				
03 00007 IRDAWATI BINTI DARIUS	PEMBANTU TADBIR (PERKHIDMATAN OPERAS)						
03 00244 AMIRAH FAHMI BIN MOHD PAUL	PEMBANTU AM KENDAH						
03 00205 GAZALI BIN OTMAN	PEMBANTU KENDAHRAAN BERMOOTOR						
04 00226 NORAZLIMA BINTI ISMA	PEMBANTU TADBIR RENDAH						
04 00320 SHARIFAH TAUKAH BT SYED	PEMAMPU TADBIR						
04 00342 ROEMAINI BT ABD. RAHMAN	PEMBANTU AM RENDAH						

Rajah 5: Laporan Senamrobik.

b. Kiraan Jam Bekerja

K-Kedatangan berupaya untuk mengira jumlah jam bekerja bagi setiap kakitangan dalam satu hari. Jumlah jam bekerja ini dikeluarkan untuk pengiraan dan tuntutan kerja lebih masa. Jumlah jam mingguan bekerja juga dikeluarkan untuk memberi laporan bagi jumlah jam bekerja.

LAPORAN MINGGUAN			
JABATAN	WAKTU PENGAJIAN KEJURUTERAAN MEKATRONIK		
MINGGU	Minggu 1 April 2005 (03/04/2005) - (09/04/2005)		
01 00183	ABU HASAN BIN ABDULLAH	TIMB DEKAN AKADEMIKE HEDLIKAH PPK MEKATRONIK	09:14:03
01 00275	SALAU BIN YAACOB	DEKAN PPK MEKATRONIK	04:24:12
01 00028	SAUTIAH BINTI ABDUL RAHM	PENSYARAH UNIVERSITI	04:13:28
01 00128	MOHD RIZON BIN MOHAMAD JUHARI	DEKAN FENGAGAN LIAZAH TINGGI	14:04:53
01 00295	SHAZMIN ANZA BINTI ABDUL SHUKR	PENSYARAH UNIVERSITI	06:07:56
01 00009	HANDY BIN ALI MUNIR	PENSYARAH UNIVERSITI	06:55:07
01 00327	NORASHADI BIN ABDUL RAHIM	PENSYARAH UNIVERSITI	07:22:41
01 00217	SHAH FENNER KHAN BIN MOHAMAD KHAN	PENGURUSI RANCANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL	10:00:11
01 00285	ABDUL HAMID BIN ADCM	TIMB DEKAN PEMBANGUNAN PELAJAR&ALUMNI PPK MEKATRON	08:35:30

Rajah 6: Laporan Kiraan Jam Mingguan.

c. Keupayaan Bersyif

Sistem bekerja mengikut syif juga tidak ketinggalan dibangunkan di dalam K-Kedatangan. KUKUM mempunyai dua buah jabatan yang bekerja mengikut syif tertentu. Jabatan tersebut ialah Jabatan Keselamatan dan Perpustakaan. K-Kedatangan berupaya mengendalikan 10 syif yang berbeza bagi kedua-dua jabatan ini.

Jadual 1: Jadual Syif yang wujud di KUKUM.

Jabatan / Syif	Masa Masuk	Masa Keluar
Keselamatan - Syif 1	07:00:00	15:00:00
Keselamatan - Syif 2	15:00:00	23:00:00
Keselamatan - Syif 3	23:00:00	07:00:00
Keselamatan - Syif 4	07:00:00	19:00:00
Keselamatan - Syif 5	19:00:00	07:00:00
Perpustakaan - Syif 6	13:30:00	22:00:00
Perpustakaan - Syif 7	14:30:00	23:00:00
Perpustakaan - Syif 8	14:45:00	22:00:00
Perpustakaan - Syif 9	15:45:00	23:00:00

04 00482	SAZALI BIN IBRAHIM	PENGAWAL KESELAMATAN	12:03:45 (17/10/2005)	PEJABAT PUSAT KEJURUTERAAN (ACS)	07:27:40 (18/10/2005)	PEJABAT PUSAT KEJURUTERAAN (ACS)		06:24:06			
04 00482	SAZALI BIN IBRAHIM	PENGAWAL KESELAMATAN	14:47:30 (17/10/2005)	PONDOK PENGAWAL HKB (TMS)	23:03:51 (17/10/2005)	PEJABAT PUSAT KEJURUTERAAN (ACS)		06:15:12			
04 00548	ROBIN BIN YOUSOF @ USUP	PENGAWAL KESELAMATAN	07:02:36 (17/10/2005)	PEJABAT PESELAMATAN (ACS)	15:14:48 (17/10/2005)	MARMAL BAHAM (TMS)		09:11:12			
04 00549	ADNAN BIN MO ZAIN	PENGAWAL KESELAMATAN	22:54:11 (17/10/2005)	PEJABAT KESELAMATAN (ACS)	07:15:43 (18/10/2005)	9LOK B (TMS)		08:21:32			
04 00552	ISMAL BIN YAKUB	PENGAWAL KESELAMATAN	14:40:34 (17/10/2005)	PEJABAT KESELAMATAN (ACS)	14:40:25 (17/10/2005)	PELUGSIT MECRUMINTA (K-23)		00:00:01			
EDARAN	EDARAN	EDARAN									


PETUNJUK SISTEM

Untuk melihat maklumat lanjut mengenai pengurusan jabatan dan kakitangan biasa, sila klik pada ikon yang terdapat di dalam sistem.

Menu Laporan Jabatan

Rajah 7: Laporan Harian Bersyif.

HAD CAPAIAN PELBAGAI



Rajah 8: Hierarki Had Capaian.

K-Kedatangan mempunyai tiga capaian pengguna yang berbeza. Capaian tertinggi ialah capaian bagi pengurusan tertinggi. Pengurusan tertinggi universiti dapat memantau keseluruhan kehadiran kakitangan di KUKUM. Capaian kedua pula ialah capaian bagi pengurusan jabatan. Capaian ini hanya dapat memantau kakitangan jabatan yang terlibat sahaja. Kebiasaannya had capaian ini diberikan hanya kepada ketua-ketua jabatan dan unit. Had capaian paling rendah di dalam K-Kedatangan ialah untuk kakitangan biasa sahaja iaitu setiap kakitangan biasa dapat melihat kedatangan untuk diri sendiri sahaja.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, sistem K-Kedatangan telah dibangunkan bagi memenuhi keperluan dan kehendak setiap warga kakitangan KUKUM. Sistem ini meneliti dan mengambilkira keperluan dari segenap perspektif individu kerana wujud perbezaan waktu kerja bagi sesetengah kakitangan. Namun begitu, kewujudan sistem ini adalah bersifat dinamik yang membolehkan ciri-cirinya dipertingkat dari masa ke semasa mengikut keperluan dan kepentingan yang telah dikenalpasti.

Walaupun usia KUKUM masih dianggap terlalu muda berbanding dengan institusi pengajian tinggi yang lain, tetapi berbekalkan pengalaman dan kemahiran warga kakitangan KUKUM yang merupakan individu-individu yang jauh lebih lama berkecimpung dalam bidang pengurusan, pentadbiran dan akademik, KUKUM dilihat dapat memberikan sumbangannya yang tersendiri kepada negara dalam membentuk dan mewujudkan imej sebuah institusi pendidikan dan penyelidikan bertaraf antarabangsa bukan sahaja dalam bidang kejuruteraan malah dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi juga. Sebagai langkah pertama dalam pembentukan imej tersebut, biarlah sistem K-Kedatangan ini menjadi antara salah satu sumbangan yang dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada KUKUM, tetapi juga kepada negara.

RUJUKAN

1. MAMPU, (1981), *Penggunaan Sistem Perakam Waktu Elektronik Di Agensi-Agenzi Kerajaan*, Surat Pekeliling Am Bil. 11 (Tambahan).
2. MAMPU, (2004), *Penggunaan Sistem Perakam Waktu Elektronik Di Agensi-Agenzi Kerajaan*, Surat Pekeliling Am Bil. 11.
3. Muldner, T. (2002). *C ++ Programming with Design Patterns Revealed*. Addison Wesley, Boston.